

SAINS



DR. WAN IRYANI WAN ISMAIL menunjukkan hasil kajiananya mengenai kit nutraceutikal di UMT, Kuala Terengganu, baru-baru ini.

SEKILAS

- Kit Nutraceutikal.
- Ramuannya adalah madu, roti lebah, dan beberapa kekacang yang terpilih.
- Faktor pemilihan ramuan tersebut antaranya termasuklah mengandungi nutrisi yang lengkap seperti karbohidrat, protein, vitamin dan antioksidan yang tinggi walaupun selepas dimasak pada suhu 40 darjah Celsius.
- Beberapa pemerhatian turut dilakukan untuk menguji ketahanan kandungan dan khasiat makanan tersebut dalam suhu dan jangka masa yang tertentu.

KIT nutraceutikal yang dihasilkan oleh UMT mengandungi khasiat.

TAWARAN GAJET SAMSUNG »21

Organisma marin sebagai bahan alternatif

DALAM pada itu, sebagai alternatif Dr. Wan Iryani Wan Ismail turut meneroka khasiat bahan mentah lain daripada organisma marin untuk menambahbaikkan lagi formulasi makanan kit nutraceutikal yang telah dibangunkan di atas.

Walau bagaimanapun, kata beliau, bagi menjalankan penyelidikan tersebut, beliau memerlukan dana berasingan untuk meneliti pelbagai aspek antaranya keselamatan dan keberkesanannya organisme marin tersebut dalam memberi khasiat kepada manusia.

Dalam pada itu, beliau memberitahu UMT sendiri akan mengkomersialkan produk tersebut untuk dibekalkan kepada mangsa

banjir yang dijangka dalam masa yang terdekat ini.

Setakat ini katanya, sebuah syarikat industri kecil dan sederhana berminat untuk mengkomersialkannya.

"Jika ada syarikat besar yang berminat untuk menjalankan kerjasama, saya mengalu-alukannya," ujar beliau.

Mengenai penyelidik minuman madu, beliau berkata, madu lebah asli yang telah diuji ketulenan dan kualitiannya mengikut standard antarabangsa.

Kata beliau kandungan (volume) yang dibekalkan adalah berdasarkan keperluan yang signifikan berdasarkan kajian yang telah dilakukan sebelum ini.

Gambar MOKHTAR ISHAK (UMT)

SNEK MANGSA BANJIR

KADANGKALA berlaku bencana alam yang tidak diduga dan kita tidak boleh berbuat apa-apa tanpa mengira masa atau musim. Bencana banjir biasanya boleh dijangka kerana melibatkan musim Monsun Timur Laut dan yang penting persiapan untuk menghadapinya boleh dilakukan bila-bila masa.

Pelbagai persiapan perlu dilakukan antaranya termasuklah mengenal pasti penempatan yang lebih selamat, bot penyelamat dan yang tidak kurang pentingnya, makanan untuk mangsa bencana.

Malaysia adalah antara negara yang terdedah dengan bencana banjir sekurang-kurangnya setahun sekali. Persoalannya, adakah pihak berkuasa sentiasa bersiap siaga untuk menghadapi keadaan kecemasan ini?

Persoalan yang kedua adakah mangsa bencana telah mendidik diri mereka sendiri supaya sentiasa bersedia untuk menghadapi keadaan sukar ketika banjir, tempat sempit, kemudahan asas yang terhad dan makanan yang dicatuh?

Kejadian banjir kerap berlaku di negara ini saban tahun terutama dalam tempoh Monsun Timur Laut dari November hingga Mac. Dalam banyak peristiwa banjir di negara ini, antara yang paling diingati adalah pada 2014.

Dianggarkan, kira-kira 200,000 mangsa terlibat dan 21 kes kehilangan nyawa dilaporkan. Banjir besar yang tidak disangka-sangka itu seakan akan memberi

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

satu teguran kepada pihak berkuasa supaya memantapkan lagi pengurusan menghadapi bencana alam, apatah lagi ia melibatkan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan.

Antara perkara penting yang perlu diambil perhatian serius adalah hal berkaitan bekalan makanan untuk mangsa banjir iaitu jenis makanan, ketahanan dan khasiatnya.

Menyedari keadaan tersebut, sekumpulan penyelidik dari Pusat Pengajian Sains Asas, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) diketuai Dr. Wan Iryani Wan

Ismail menjalankan penyelidikan menghasilkan makanan khusus untuk mangsa banjir yang dinamakan kit nutraceutikal dan minuman daripada madu.

Beliau dan beberapa penyelidik yang terlibat sepenuh masa dalam projek ini seperti Muhamad Zulhusni Abdul Wahab, Izzuddin Ismail, Nurul Akma Abdul Wahab dan Nor Fadilah Muhammad Zaki hanya diberi masa selama sembilan bulan untuk menyiapkan penyelidikan. Pihaknya juga mendapat nasihat daripada Zakbah Mian dari Jabatan Pertanian Malaysia, Dr. Tommy Julianto Bustami Effendi dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Prof. Dr. Mohd. Mansor Ismail daripada Institut Kajian Dasar Makanan dan Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dana yang diterima berjumlah RM120,000 dari Kementerian Pendidikan Tinggi yang diuruskan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai sekretariatnya. Ia bertujuan untuk mencari penyelesaian dan cadangan untuk mengatasi masalah banjir di negara ini dari semua peringkat dalam negara.

Secara berterus terang, Dr. Wan Iryani turut berkongsi pengalaman peribadi yang menjadi pendorong kepada ia dan menjadi faktor penting mengapa beliau bertekad untuk menghasilkan makanan tersebut.

"Dalam kejadian banjir 2014, sebagai warga Kelantan, saya menyaksikan sendiri keluarga saya di kampung yang menjadi mangsa banjir.

"Antara isu utama yang perlu ditambahbaikkan adalah bekalan makanan sihat perlu diedarkan kepada mangsa terutama pada hari pertama bencana. Makanan sihat tersebut perlu memenuhi kesemua kriteria makanan yang bernutrisi, senang dimakan tanpa memerlukan penyediaan peralatan masakan, senang untuk proses mobiliti, berasaskan sumber tempatan dan juga harga yang berpatutan," ujarnya.

Katanya lagi, beliau turut terkesan apabila mendengar ada kes mangsa banjir di Gua Musang dan Kuala Krai, Kelantan yang terkandas di dalam hutan, atas bukit tanpa makanan dan juga tidak mempunyai peralatan untuk memasak selama seminggu. Makanan yang

dicadangkan tersebut bakal memberi salah satu penyelesaian untuk masalah berkenaan.

Sebab itulah beliau yang telah menjalankan kajian awal mengenai produk makanan bermula 2010, mencari formula sesuai bagi membantu mangsa banjir supaya dibekalkan makanan yang sesuai, berkhasiat, tanah lama dan juga sedap.

Salah satunya, beliau menggunakan madu lebah yang asli dengan mengadakan kerjasama dengan beberapa penduduk kampung untuk mendapat bekalan madu dan seterusnya mengkaji keaslian madu bagi mengelakkkan masalah sampingan kepada pengguna.

Madu asli katanya, yang beliau peroleh adalah daripada sumber yang dipercayai kerana kebanyakannya beliau mencarinya sendiri di dalam hutan bersama penduduk kampung dan juga dari ladang-ladang seluruh negara. Antara kejayaannya adalah membuktikan khasiat madu hasil penyelidikan beliau dan juga saintis lain termasuk untuk pengawalan obesiti dan membantu dalam proses rawatan luka.

Yang terbaru, beliau dan kumpulan penyelidiknya juga menghasilkan formulasi makanan yang mengandungi ramuan yang berkhasiat.

Kajian lain yang beliau turut sampaikan turut menggunakan bahan utama dalam formulasi makanan tersebut, turut menunjukkan kesan baik di dalam mengawal kadar hormon stres. Beberapa kajian di luar negara turut mengesahkan penemuan tersebut.

Dr. Wan Iryani juga berkongsi pengalaman yang memiliki apabila beliau turut mengalami banjir kiat ketika tinggal di Puncak Alam, Selangor tahun lepas. Paling kritikal, beliau menghadapi kemalangan kecil ketika banjir tersebut yang menjelaskan saraf leher dan memerlukan rawatan fisioterapi.

Doktor yang merawat mendapati proses penyembuhan beliau agak cepat daripada biasa dipercayai kerana mengamalkan makanan yang diformulasinya sendiri sepanjang proses rawatan berlaku.

Makanan yang diformulasikan dalam kit nutraceutikal itu boleh dihasilkan bila-bila masa berdasarkan permintaan pihak yang berminat. Ia bukan sahaja sesuai untuk makanan pada

hari pertama bencana (*first line healthy food supply*), malah ia turut sesuai untuk peminat sukan basah dan atlet.

Dalam pada itu beliau mendapati produk makanan khas yang bernutrisi untuk mangsa bencana tidak terdapat di pasaran tempatan. Hanya ada beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Jepun mempunyai produk seumpama itu.

Justeru, kit nutraceutikal yang dihasilkan oleh beliau dan kumpulannya mampu meneroka pasaran tempatan untuk memenuhi keperluan banjir yang terdekat ini. Malah, mempunyai potensi untuk dieksport sebagai salah satu produk Malaysia kerana menggunakan bahan-bahan tempatan.

Makanan yang diformulasikan dalam kit nutraceutikal itu boleh dihasilkan bila-bila masa berdasarkan permintaan pihak yang berminat. Ia bukan sahaja sesuai untuk makanan pada



MENGUJI kesesuaian bahan untuk dijadikan kit nutraceutikal.